

PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN BERTERASKAN KUALITI MBSP

MBSP telah mendapat sebanyak tujuh (7) persijilan berteraskan kualiti seperti berikut:

1. Sistem Pengurusan Kualiti , ISO 9001:2015 (QMS)

Dipersijilkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 17 Disember 1999 bagi versi ISO 9002:1994 . Dinaiktaraf kepada ISO 9001:2000 pada tahun 2003 dan kemudian ditukar kepada ISO 9001:2008 pada tahun 2008. Kemudiaannya ia ditukar kepada ISO 9001:2015 dan dipersijilkan pada 18 November 2016 sehingga sekarang.

Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses pemberian perkhidmatan, di mana proses kerja jabatan disusun atur secara sistematik dan dilaksanakan dengan penambahbaikan berterusan menggunakan kecekapan teknologi terkini untuk mempercepatkan perkhidmatan kepada pelanggan. Proses kerja disemak dari semasa ke semasa untuk mengenalpasti risiko yang boleh menjadi penghalang kepada keupayaan MBSP mencapai objektif Kualiti yang telah ditetapkan dalam perkhidmatan utama seperti:

- a) Kelulusan Dan Kawalan Pembangunan
- b) Penilaian Harta Berkadar
- c) Penyelenggaraan Pembersihan (Sisa Pepejal dan Kerja Pembersihan Am)
- d) Penyelenggaraan Landskap
- e) Pelesenan
- f) Penguatkuasaan
- g) Perundangan & Lain-lain Proses Sokongan

2. Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2015 (EMS)

Dipersijilkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 14 Jun 2006. Ditukar kepada ISO 14001:2015 dan dipersijilkan pada 18 November 2016 sehingga sekarang.

Sistem ini selari dengan usaha-usaha Pihak Berkuasa bukan sahaja di peringkat tempatan dan negeri, malah di peringkat antarabangsa untuk mengurangkan pencemaran serta mewujudkan persekitaran yang hijau bersih dan sihat. MBSP mengambil inisiatif dengan melaksanakan sistem ini bagi menggalakkan kakitangan serta komuniti Seberang Perai meningkatkan aktiviti-aktiviti penjagaan alam sekitar. Program-program yang dilaksanakan melalui sistem ini contohnya:-

- a) Mempromosi dan menggalakkan program kitar semula di kawasan perindustrian dan komuniti setempat untuk mengurangkan indeks sampah
- b) Mengurangkan pencemaran asap hitam bagi semua kenderaan MBSP
- c) Mengurangkan penggunaan kertas, air dan elektrik
- d) Mengambil langkah-langkah mengawal *leachate* di tapak pelupusan sampah
- e) Mengambil langkah-langkah mengawal kecaciran sampah dan tumpahan *leachate* semasa proses kerja kutipan sampah

PERSIJILAN SISTEM PENGURUSAN BERTERASKAN KUALITI MBSP

- f) Mengambil langkah-langkah mengawal pembuangan sisa toksid di tapak pelupusan sampah
- g) Melaksanakan pengasingan sisa di punca termasuk kepada peniaga-peniaga makanan
- h) Memastikan pasar malam bebas sampah yang turut melaksanakan pengasingan di punca

3. Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan ISO 45001:2018 (OSHMS)

Dipersijilkan oleh Niosh Certification Sdn Bhd pada 28 Ogos 2013 dan ditukar kepada badan persijilan SIRIM QAS International Sdn Bhd serta dipersijilkan pada 18 November 2016. Pada tahun 2018, ianya ditukar kepada ISO 45001:2018 dan dipersijilkan pada 18 Januari 2019 sehingga sekarang.

Sistem ini bertujuan meminimalkan risiko berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ianya memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan terutamanya warga kerja MBSP terjaga, kerana kakitangan adalah aset yang tak ternilai bagi MBSP. Tidak ketinggalan juga MBSP mengambil kira aspek keselamatan orang awam yang berada dalam/dekat kawasan pelaksanaan kerja oleh kakitangan/kontraktor MBSP.

Melalui sistem ini program-program kesedaran telah diwujudkan di kalangan kakitangan dan pihak-pihak/kontraktor-kontraktor yang melaksanakan kerja bagi MBSP. Penambahbaikan dari sistem ini, MBSP telah menyediakan dan menambahbaik keperluan peralatan keselamatan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang berisiko seperti kakitangan penyelenggaraan pembersihan dan landskap, Jabatan Pengurusan Krisis dan lain-lain kakitangan yang bertugas di lapangan.

MBSP menyediakan kursus kepada kontraktor-kontraktor yang berhasrat untuk melaksanakan kerja bagi pihak MBSP dan yang berjaya mendapat kontrak bagi kerja perkhidmatan atau bekalan untuk menghadiri kursus berkenaan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti MBSP bagi memastikan mereka memberikan keutamaan dalam aspek pengurusan kerja dan pemberian perkhidmatan yang berkualiti, mementingkan pemeliharaan alam sekitar dan penjagaan keselamatan kakitangan serta orang ramai ketika melaksanakan kerja-kerja bagi pihak MBSP.

PERSIJILAN SISTEM PENGURUSAN BERTERASKAN KUALITI MBSP

4. Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2018 (EnMS)

Dipersijilkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 15 Ogos 2014 sehingga sekarang. Pada tahun 2019, ianya ditukar kepada ISO 50001:2018 dan dipersijilkan pada 05 Disember 2019 sehingga sekarang.

MBSP mensasarkan pengurangan penggunaan tenaga sebagai mendokong usaha antarabangsa menangani masalah perubahan cuaca dunia . Konsep *Go Green dan Green Initiative* diaplikasi melalui pelaksanaan sistem ini di MBSP yang mensasarkan pengurangan penggunaan tenaga sebanyak 3% pada tahun 2022 berdasarkan Baseline 2017. Pelepasan haba daripada penggunaan tenaga elektrik yang tinggi secara tak langsung memberi kesan kepada alam sekitar. Justeru, selari dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar, sistem ini juga dilaksanakan dalam usaha mengurangkan penggunaan tenaga serta menggalakan aktiviti *Green/hijau* di kalangan kakitangan dan komuniti setempat.

5. Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S

Dipersijilkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 3 Disember 2014 sehingga sekarang.

Objektif pelaksanaan 5S di MBSP adalah :

- Peningkatan Kualiti Kerja Dan Perkhidmatan
- Peningkatan Produktiviti
- Penjimatan Kos
- Peningkatan Semangat Kerja Berpasukan
- Peningkatan Kepuasan Hati Pelanggan

MBSP mensasarkan untuk meningkatkan tahap motivasi bekerja di kalangan kakitangan. Keselesaan persekitaran kerja serta sistem kerja yang teratur mewujudkan suasana kerja yang kondusif serta meningkatkan daya usaha kakitangan. Sistem ini sebenarnya adalah asas kepada semua sistem kualiti yang ada, di mana ianya menyediakan keperluan asas ke arah pemberian perkhidmatan yang efisien.

Antara hasil pelaksanaan 5S ini, pengurusan fail lebih mudah dan cepat. Sesebuah fail yang disimpan boleh dikesan dalam masa tidak lebih 30 saat. Selain daripada itu, setiap aktiviti kerja di MBSP mempunyai *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi memudahkan pengurusan dan kakitangan sendiri melaksanakan tugas secara standard, cepat dan tepat serta memudahkan kerja pemantauan. Permasalahan yang berlaku boleh dikesan asal atau puncanya dari proses yang mana. Justeru, penambahbaikan segera boleh diambil bagi mengatasi masalah yang berlaku dan mengelakkan ianya berulang.

PERSIJILAN SISTEM PENGURUSAN BERTERASKAN KUALITI MBSP

6. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC27001:2013 (ISMS)

Dipersijilkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 25 Mac 2016 sehingga sekarang.

Sistem ini dilaksanakan dengan objektif untuk memelihara keselamatan maklumat dalam aspek :-

- a. Kerahsiaan (Confidentiality):
Melindungi /memelihara/menyekat maklumat daripada pendedahan yang tidak dibenarkan
- b. Ketepatan Dan Kelengkapan Maklumat (Integrity)
- c. Ketersediaan (Availability)
Memastikan maklumat yang diperlukan dalam proses pemberian perkhidmatan sentiasa ada dan boleh diguna serta perkhidmatan dapat diberikan kepada pengguna setiap kali apabila diperlukan

7. Sistem Pengurusan Anti-Suapan (Bribery) ISO 37001:2016 (ABMS)

Dipersijilkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 20 Oktober 2017 sehingga sekarang. MBSP menjadi organisasi pertama di Malaysia mendapat persijilan ini daripada SIRIM. Sistem ini menekankan aspek integriti dalam pengurusan dan pemberian perkhidmatan. Kawalan ke atas semua warga kerja dibuat seawal proses pengambilan. Kawalan adalah secara komprehensif sama ada kawalan kewangan dan bukan kewangan. Ianya mementingkan prinsip ketelusan dalam melaksanakan kerja.